

# PM harap ICFM boleh membina perpaduan sebenar

UM 27 JUN 2000

SUBANG 26 Jun — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berharap Persidangan Menteri Luar Islam (ICFM) yang bermula esok akan membina perpaduan negara-negara anggota dalam erti kata sebenar dan bukan sekadar di mulut sahaja.

Perdana Menteri berkata, perpaduan di kalangan negara-negara Islam kini masih terlalu longgar kerana kebanyakannya tidak menghormati antara satu sama lain.

“Kita cakap pandai bahawa kita semua adalah saudara seagama dan sebagainya tetapi di mulut sahaja.

“Di negara kita pun begitu juga, cakap tak serupa bikin,” katanya pada sidang akhbar di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah di sini hari ini sekembalinya dari Sidang Kemuncak Ke-10 Kumpulan Negara-negara Membangun (G-15) di Kaherah.

Beliau ditanya harapannya terhadap sesi ke-27 persidangan itu yang berlangsung di ibu negara selama empat hari mulai esok.

Perdana Menteri berkata, Malaysia mahu negara-negara anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) saling hormat meng-

hormati antara satu sama lain.

“Kita tidak hendak melihat tuduhan bahawa negara ini kurang Islam atau lebih Islam.

“Sama seperti yang berlaku dalam negara kita kerana ada juga puak-puak yang membuat tuduhan sedemikian dan dengan itu mengambil tindakan politik,” katanya.

Dr. Mahathir kesal kerana ada sesetengah negara yang mengambil tindakan terhadap anggota organisasi yang sama kerana berpendapat negara lain tidak begitu baik atau kurang Islam daripada mereka.

## Cadangan

Perdana Menteri turut menjelaskan tujuan Malaysia mengetengahkan cadangan untuk mewujudkan satu kerangka baru kewangan antarabangsa pada ICFM itu.

“Langkah mengusulkan resolusi itu adalah berasaskan masalah hampir sama yang dihadapi oleh negara anggota OIC,” ujarnya.

Dr. Mahathir berkata, banyak OIC ditekan kerana Dana Kewangan Antarabangsa (IMF) menguasai kewangan beberapa negara-negara Islam.

“Kita dapati masalah kita lebih kurang sama termasuk dari segi rancangan kumpulan-kumpulan tertentu dalam negara-negara berkuasa untuk menguasai ekonomi,” katanya.

Beliau memberi contoh Mesir yang cuba ditekan oleh IMF kerana mahu negara itu membenarkan bank-bank asing memasuki nasarnya kewangannya.

Mengenai jawatan Setiausaha Agung OIC, Perdana Menteri berkata, Malaysia tidak memihak kepada mana-mana negara.

“Kita berpegang kepada persaudaraan Islam dan sebab itu kita hendak semua negara Islam bersatu padu sekurang-kurangnya dalam objektif tertentu,” katanya.

Ditanya sama ada sekretariat OIC perlu dirombak agar fungsinya lebih berkesan, Dr. Mahathir tidak dapat mengesahkan jika tindakan itu wajar diambil.

Mengulas permintaan Barisan Pembebasan Islam Moro (MILF) untuk mendapatkan status pemerhati OIC, Perdana Menteri berkata, perkara itu perlu dibincangkan dengan anggota lain dalam pertubuhan itu.